



Saintis UPM Dapat Pingat Emas Hadiah Sains ISESCO



Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan Salit (kiri) berjaya mendapat pingat emas bagi kategori Teknologi di Baku, Azerbaijan baru-baru ini.

SERDANG, 10 Oktober – Seorang saintis dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan Salit berjaya mendapat pingat emas dalam Hadiah Sains Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO Science Prize) 2008 kategori Teknologi di Baku, Azerbaijan baru-baru ini.

Dr. Mohd Sapuan, Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UPM mendapat wang tunai berjumlah US\$5,000.

Kejayaan beliau berdasarkan 'lifetime achievement' dalam bidang teknologi di negara Islam melalui penyelidikannya dalam Design and Manufacture of Polymer Composite Products.

"Kajian saya terpilih kerana saya menggunakan pelbagai rekabentuk dan peralatan pembuatan kejuruteraan untuk membangunkan produk polimer komposit yang berkos rendah, berkualiti tinggi dan menjimatkan masa," katanya ketika dihubungi.

Hadiah disampaikan oleh Director General of ISESCO, Dr. Abdulaziz Othman Altwajiri dan Timbalan Perdana Menteri Azerbaijan, Mr. Elchin Efendiyev. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Anugerah tersebut yang dibuat setiap tiga tahun sekali sempena majlis Fourth Islamic Conference of the Ministers of Higher Education and Scientific Research-Scientific and Technological Excellence pada 6 hingga 8 Oktober, diberikan kepada saintis Islam yang menyumbangkan penyelidikan dalam bidang biologi, kimia, geologi, matematik, fizik dan teknologi.

Dr. Mohd Sapuan adalah antara enam orang saintis Islam dari seluruh dunia selain Lebanon, Kyrgyzstan, Senegal, Jordan dan Tajikistan yang dianugerahkan pingat emas tersebut.

Oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.